

Ujian saringan bantu banteras penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar

Posted on September 2, 2014, Tuesday

SIBU: Kaedah ujian saringan boleh digunakan sebagai mekanisme membantu membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.

Kesatuan Guru Sarawak (STU) ketika memberi cadangan tersebut semalam, menjelaskan bahawa ujian dijalankan apabila guru atau pentadbir mempunyai alasan kukuh mengesyaki ada pelajar terlibat dengan dadah.

Presidennya Jisin Nyud berkata pihak sekolah boleh menjalankan ujian dadah secara rawak terhadap pelajar sekolah (untuk sebilangan pelajar yang dikenal pasti).

“Tujuan sebenar memilih pelajar secara rawak adalah bagi mengekang gejala berkenaan yang boleh mendatangkan perasaan takut kepada mereka.

“Selain itu, sekolah dapat mengenal pasti pelajar menggunakan dadah pada peringkat awal dan campur tangan awal dapat menghentikan penglibatan mereka dalam gejala dadah,” katanya kepada Utusan Borneo ketika memberi beberapa langkah yang mungkin tidak sesuai dilaksanakan di sekolah bagi memerangi penyalahgunaan dadah.

Jisin diminta mengulas mengenai laporan berita, di mana lapan pelajar sekolah menengah di sini dibawa ke balai polis kerana disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Laporan itu dipetik hasil pengesahan Timbalan Ketua Polis Sibu Superintenden Martin Koo.

Tiga daripada pelajar tersebut didapati positif dadah manakala seorang lagi didapati memiliki dadah.

Jisin menambah, penyalahgunaan dadah adalah masalah moral serius yang boleh menjejaskan hampir setiap organisasi masyarakat dan keluarga dalam pelbagai cara.

Menurut penyelidikan dan kajian, sesetengah individu mencuba pada peringkat awal didorong perasaan ingin tahu kerana terikut dengan rentak rakan yang mencuba najis dadah atau dalam usaha untuk meningkatkan prestasi diri dalam bidang akademik mahupun kokurikulum.